

Pinda Akta Perkahwinan perlu kajian teliti: Mufti

Oleh: Nurul Farina Nazlan

nfarina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Cadangan meminda Akta Perkahwinan supaya golongan bukan Islam menyelesaikan sebarang pertikaian daripada perkahwinan bukan Islam sebelum memeluk Islam perlu dikaji lebih teliti sebelum dilaksanakan.

Peruntukan lain dalam ruang lingkup perundangan syariah wajar dilihat terutama berkaitan hak saudara baru yang mahu menggunakan hak mereka dalam peruntukan syariah yang perlu turut dipelihara.

Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahab, berkata Islam menggariskan penyelesaian merangkumi aspek harta sepencairan walaupun suami atau isteri bukan beragama Islam berhak menerima harta daripada

perkahwinan sebelum salah seorang memeluk Islam.

“Jika seorang suami memeluk Islam, tempoh tiga bulan diberi untuk isteri turut serta menyertai suami, namun hubungan mereka terputus dengan sendiri apabila isteri tidak memeluk Islam pada tempoh yang ditetapkan.

“Tetapi, dia masih berhak ke atas harta ketika tempoh perkahwinan mereka dan perlu diagihkan dengan adil agar tidak timbul kontroversi kemudian hari. Ia termaktub dalam al-Quran, namun mungkin belum digariskan lagi dalam enakmen mahkamah,” katanya.

Mohd Tamyas berkata, jika cadangan itu boleh memberikan keadilan kepada semua pihak, ia wajar dipinda mengikut undang-undang ditetapkan agar tidak timbul masalah lain yang membuatkan Islam dipandang serong.

Kelmarin, Profesor Adjung Kuliyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mehrun Siraj mengesyorkan pindaan undang-undang terhadap Seksyen 3 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 untuk mengelakkan kontroversi apabila bukan Islam memeluk Islam.

Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Khairul Arifin Mohd Munir, berkata syor itu harus dibincangkan secara terperinci antara kumpulan pakar yang boleh diselia Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pejabat Peguam Negara.

“Keadaan ini tidak mustahil kerana Islam tidak menafikan hak mereka dan peruntukan Islam membolehkan kita mendalami serta mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam,” katanya.